

<b>Headline</b>	Penanaman buluh sejak tahun 2012 penuhi keperluan makanan		
<b>MediaTitle</b>	Berita Harian		
<b>Date</b>	22 May 2014	<b>Color</b>	Black/white
<b>Section</b>	Nasional	<b>Circulation</b>	314,000
<b>Page No</b>	11	<b>Readership</b>	942,000
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	179 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	N/A	<b>AdValue</b>	RM 3,250
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 9,749



# Penanaman buluh sejak tahun 2012 penuhi keperluan makanan

**Pasangan** Panda gergasi memerlukan kira-kira 20 hingga 25 kilogram (kg) buluh sehari, sebagai makanan utama dan kek buluh, yang diproses daripada tepung habuk tumbuhan itu.

Bagi memastikan kesihatan Fuwa dan Fengyi berada pada tahap baik, makanan lain seperti rebung, buah epal dan lobak merah, sebagai makanan tambahan.

## Enam spesies buluh

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr Abd Latif Mohmod, berkata pihaknya mengenal pasti enam spesies buluh tempatan iaitu buluh

pagar (Bambusa Multiplex), buluh betong (Dendrocalamus Asper), buluh siam (Thysostachys Siamensis), buluh botol (Bambusa Entricosa), buluh galah (Bambusa Heterostachya) dan buluh madu (Gigantochloa Albociliata), boleh dijadikan sumber makanan haiwan itu.

"Buluh berkenaan ditanam dan sudah sedia ada di negara ini termasuk Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Taman Wetland Putrajaya serta Taman Paya Indah Wetland, Dengkil.

"Selain itu, di negeri lain juga ada ditanam buluh madu seperti

di Lanchang, Pahang dan Perak," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Abd Latif berkata, buluh yang diberi makan kepada panda gergasi, biasanya berusia antara 18 hingga 24 bulan kerana berkanji dan mengenyangkan haiwan itu.

Katanya, panda gergasi lebih suka makan buluh yang manis dan lembut.

"Semua bahagian buluh seperti daun, batang dan ranting diberikan kepada haiwan berkenaan. Namun, ia tidak semestinya dalam keadaan buluh segar. Sebaliknya ada yang akan diproses menjadi biskut dan kek, untuk memberi kelainan kepada haiwan itu supaya tidak jemu.

"Panda memerlukan kira-kira 25 kilogram buluh sehari. Kita memerlukan bekalan buluh yang banyak tetapi tidak perlu risau kerana bekalan buluh di negara ini dijamin mencukupi untuk keperluan panda," katanya.

## Persediaan awal

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G Palanivel,

berkata persediaan awal penanaman buluh untuk keperluan pasangan panda ini dimulakan sejak 2012, bagi memastikan bekalan makanan mencukupi untuk menampung keperluan sepannya jang 10 tahun ia berada di negara ini.

Beliau berkata, selain menjadikan simbolik per sahabatan antara China dan Malaysia, kedatangan pasangan panda itu juga dijangka mampu memberikan sokongan kepada Zoo Negara, sekali gus mampu menarik lebih ramai pengunjung.

Mengenai kos, beliau berkata, setakat ini kerajaan membelanjakan kira-kira RM60 juta termasuk pembinaan pusat penempatan haiwan berkenaan yang bernilai RM25 juta, RM20 juta untuk tempoh sewaan selama empat tahun dan RM15 juta untuk kos penyelenggaraan.